



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI

Khamis, Januari 12, 2017

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

UPM pupuk minat pelajar ceburi kerjaya dalam teknologi dan kejuruteraan



Oleh: Dr. Mohd Faisal Abdul Hamid

KUANTAN – Jabatan Kejuruteraan Aeroangkasa, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM), menganjurkan program kerjaya teknologi dan kejuruteraan untuk membangkitkan dan memupuk minat pelajar SMK Seri Mahkota Kuantan, Pahang, dalam bidang sains roket.

Timbalan Pengarah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm) UPM, Prof. Madya Ir. Dr. Abd. Rahim Abu Talib berkata, program itu adalah sebahagian daripada inisiatif pendidikan PUTRA Bakti di mana pakar dari UPM berkongsi pengalaman dan pengetahuan mereka dengan masyarakat.

"Jabatan Kejuruteraan Aeroangkasa UPM sekali lagi bekerjasama dengan syarikat aeroangkasa, keselamatan dan pertahanan global, BAE Systems dan MIGHT-Meteor Advanced Manufacturing (MMAM), dalam menggalakkan pelajar sekolah untuk mengetahui secara lebih mendalam mengenai kerjaya berasaskan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik," katanya.



Naib Presiden BAE Systems Asean, Nick Glover pula berkata BAE Systems dan rakan kongsi tempatannya mengambil beribu-ribu tenaga muda sebagai pekerja dalam bidang menarik sains dan teknologi di seluruh dunia, termasuk Malaysia dalam menyokong program 'outreach' sekolah seumpama itu.

"Kami mahu memberi motivasi dan menggalak generasi muda Malaysia untuk memupuk dan mengembangkan minat dalam sains dan kejuruteraan, dengan harapan dapat memacu minat pelajar-pelajar untuk menjadikan bidang yang menarik ini sebagai kerjaya," katanya.

Program 'outreach' sekolah itu dirasmikan oleh Komander Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Kuantan, Brigadier-Jeneral Dato' Yazid Arshad.

Program 'outreach' itu yang dilancarkan di Bintulu pada 2012 sebelum diteruskan di Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) pada 2013 dan 2015, adalah kali keempat diadakan bertujuan membantu pelajar untuk memahami peluang dan pilihan kerjaya yang boleh mereka ceburi dengan membawa sains dan teknologi ke dalam kehidupan melalui aktiviti 'hands-on' yang menyeronokkan. Aktiviti tahun ini membabitkan 'water-propelled rocket'.



Pelajar tingkatan empat SMK Seri Mahkota, Chen De Shen berkata beliau teruja mengenai peluang dalam aeroangkasa selepas mengambil bahagian dalam program itu.

"Saya memang tertarik dengan penerbangan. Cabaran 'water rocket' hari ini mendedahkan saya kepada sains yang ada di sebaliknya. Saya berminat dalam kerjaya di bidang kejuruteraan," katanya.

Acara itu dilangsungkan dengan jayanya dengan bantuan pensyarah kanan Jabatan Kejuruteraan Aeroangkasa, Fakulti Kejuruteraan, UPM - Dr. Mohd. Yazdi Harmin, Dr. Ahmad Salahuddin Ahmad Harithuddin, Dr. Fairuz Izzuddin Romli dan Dr Mohd Faisal Abdul Hamid. – UPM

